

'Usah sisih orang Islam'

Sikap prejudis akan timbulkan lebih banyak keganasan: PM



BUSAN (Korea Selatan): Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, tindakan menyebarkan kebencian termasuk mewujudkan rasa prejudis serta mengaitkan masyarakat dan agama Islam dengan keganasan, hanya akan menimbulkan lebih banyak keganasan.

Tindakan terhadap penganas beragama Islam yang disusuli inisiatif untuk mendiskriminasi agama dan penganutnya, kata Perdana Menteri akan turut menggagalkan usaha membanteras keganasan.

"Kenapa mesti masyarakat Islam secara keseluruhan dilihat dan diprofil dengan segala prejudis sedangkan apa yang perlu dilakukan ialah bertindak terhadap penganas yang sememangnya harus dihukum.

"Jika anda mengambil tindakan itu (hanya terhadap penganas), orang Islam sendiri akan gembira kerana mereka melakukan sesuatu yang melanggar ajaran agama," katanya pada sidang akhbar selepas berakhirnya sidang kemuncak ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini, semalam.

Apec 2005 yang diadakan di bandar pelabuhan 450 kilometer di selatan Seoul, berakhir semalam dengan Deklarasi Busan dan kenyataan khas

mengenai pandangan 21 negara itu berhubung isu perdagangan bebas.

Persidangan ketua negara yang mewakili separuh perdagangan dunia turut memperbaharui iltizam menangani keganasan, selesema burung dan keselamatan insan di negara anggota.

Perdana Menteri ditanya mengenai keganasan serta usaha yang perlu dilakukan dalam menanganinya.

"Jika sesuatu tindakan menyisihkan orang Islam dan mereka dilihat dengan prejudis, ia tidak akan membantu dan tidak sihat," katanya.


Beliau turut menegaskan sekali lagi termasuk ketika bersama 20 pemimpin Apec lain bahawa usaha perlu dilakukan bagi mencari punca keganasan.

Katanya, inisiatif bagi menyedarkan bahawa ajaran Islam sebenar bukan saja tidak menyokong keganasan malah Allah sendiri membenci penganas tidak mencukupi.

Mengenai selatan Thailand, Perdana Menteri berkata Malaysia terus berunding dengan kerajaan jirannya bagi menangani masalah itu.

"Kami memberi perhatian isu ini kerana kemasukan orang ke negara kami. Malaysia dan Thailand harus menangani keadaan ini," katanya yang berharap untuk melihat penduduk, Islam dan bukan Islam mendapat manfaat daripada Pembangunan di daerah bergolak itu.

"Pembangunan dapat menangani sesetengah masalah di selatan Thailand," katanya.



BERI PENJELASAN: Abdullah menjawab soalan wartawan pada sidang akhbar selepas berakhirnya sidang kemuncak ketua negara Apec, semalam.